

Ruj. Kami : SA3/2026 (2)
Tarikh : 2 Mac 2026

Semua Warga Samariang Aman 3

Tuan/Puan,

PERMOHONAN SUMBANGAN BAGI PERSEDIAAN DAN PEMASANGAN PAPAN TANDA LORONG DI KAWASAN SAMARIANG AMAN 3

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Samariang Aman 3 akan melaksanakan aktiviti penyediaan dan pemasangan papan tanda lorong di kawasan kejiranan ini. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkemas sistem penandaan laluan, memudahkan urusan keselamatan serta membantu mempertingkatkan tahap pengurusan dan kesejahteraan kawasan perumahan secara keseluruhan.

3. Butiran pelaksanaan aktiviti adalah seperti berikut:

Sesi Perbincangan dan Persediaan		Aktiviti Pemasangan Papan Tanda Lorong	
Tarikh	: 7 Mac 2026 (Sabtu)	Tarikh	: 8 Mac 2026 (Ahad)
Masa	: 9.00 malam	Masa	: 6.30 pagi
Tempat	: Rumah Tuan Pengerusi SA3	Tempat	: Tapak Khemah SRS SA3

4. Sehubungan itu, pihak jawatankuasa amat berbesar hati sekiranya Tuan/Puan dapat mempertimbangkan sumbangan dalam bentuk barangan berikut bagi menjayakan aktiviti ini:

- Papan Lapis (Plywood)
- Kayu
- Paku (ditaja oleh Encik Mazlan Mohamat)
- Taupaulin pal (ditaja oleh Encik Marhazli)
- Gam PVC (ditaja oleh Encik Mazlan Mohamat)

5. Untuk makluman, agihan tugas bagi pelaksanaan aktiviti ini adalah seperti yang dinyatakan di **Lampiran 1**.

6. Segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Semoga usaha ini dapat meningkatkan keselamatan serta kesejahteraan penduduk Samariang Aman 3 secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

BERSATU, BERTOLENANSI, BERMUAFAKAT



(MUHAMMAD HAZIM ABDULLAH)

Pengerusi Samariang Aman 3

BERSATU, BERTOLERANSI, BERMUAFAKAT



AGIHAN TUGAS – PEMASANGAN PAPAN TANDA LORONG SAMARIANG AMAN 3

No.	Tugasan	Bil. Individu	Catatan
1.	Memotong taupaulin mengikut saiz plywood (3 kaki x 1 kaki)	1 orang	
2.	Menampal / melekatkan taupaulin ke plywood	1 orang	
3.	Memotong papan lapis / plywood (3 kaki x 1 kaki)	3 orang	
4.	Memaku papan tanda pada kayu / tiang	1 orang	
5.	Memacak papan tanda di tapak (menggunakan tukul/cangkul)	3 - 6 orang	
6.	Penyediaan alatan & barangan	Semua peserta	Termasuk gergaji, paku, kayu, gam, taupaulin

Q

